



JAWAPAN PRAKTIS SPM

BAB 1A

KERTAS 1

- Antara yang berikut, yang manakah ciri barang awam?
 - A** Disediakan oleh pihak swasta
 - B** Disediakan oleh pihak kerajaan tempatan
 - C** Perlu dibayar oleh pengguna
 - D** Penawaran tidak terhad
- Gambar 1 menunjukkan logo sesuatu firma kerajaan.



Gambar 1

Mengapakah pihak swasta tidak dapat menyediakan barang yang dikeluarkan oleh firma di atas?

- A** Kos pengeluaran tinggi
 - B** Kos pengeluaran rendah
 - C** Barang tidak mempunyai pengganti
 - D** Harga barang tidak dapat ditentukan oleh pasaran
- Antara yang berikut, situasi yang manakah menunjukkan bahawa sesebuah negara mencapai guna tenaga penuh?
 - A** Imbangian pembayaran mengalami defisit
 - B** Kadar pengangguran kurang daripada 4%
 - C** Nilai import melebihi nilai eksport
 - D** Kadar kemiskinan menurun
 - Antara yang berikut, yang manakah fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA)?
 - I Menawarkan peluang pekerjaan
 - II Merapatkan jurang pekerjaan di perkhidmatan awam
 - III Meningkatkan taraf hidup masyarakat
 - IV Menambahkan pendapatan negara
 - A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV

- Antara yang berikut, yang manakah eksternaliti negatif?

- I Pembuangan sampah dari kilang kayu
 - II Mengimbangi ekosistem
 - III Mengurangkan kadar pengangguran
 - IV Mengeluarkan gas dari kilang getah
- | | |
|-------------------|---------------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

- Mengapakah kerajaan menawarkan subsidi kepada pengeluar dalam proses pengeluaran?

- A** Mengawal harga barang
- B** Menguatkuasakan undang-undang
- C** Mengurangkan kos pengeluaran petani
- D** Memaksimumkan kebajikan masyarakat

Soalan 7 hingga Soalan 10 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

| Pilihan | Pernyataan I | Pernyataan II |
|----------|--------------|---------------|
| A | Betul | Salah |
| B | Salah | Betul |
| C | Betul | Betul |
| D | Salah | Salah |

- I Barang awam dikenakan bayaran paling maksimum.
- D** II Barang sosial kurang memberi manfaat kepada rakyat.
- I Guna tenaga penuh bukan boleh ubah makroekonomi untuk mencapai objektif makroekonomi negara.
- B** II Guna tenaga penuh merujuk kepada kadar pengangguran kurang daripada 4%.
- I Undang-undang dalam mengawal selia pengeluar ialah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan
- A** II Dasar harga maksimum merupakan penetapan harga yang lebih tinggi daripada harga keseimbangan.
- I Kadar pengangguran kurang daripada 4% dapat mencapai guna tenaga penuh.
- C** II Kerajaan campur tangan dalam ekonomi untuk mengawal kuasa pasaran supaya harga barang dapat distabilkan.

KERTAS 2

BAHAGIAN A

1. (a) Bezakan konsep barang awam dan barang sosial.

Barang awam

- Dikeluarkan oleh pihak kerajaan [1m]
- Tujuan adalah memaksimumkan kebajikan masyarakat [1m]
- Meningkatkan taraf hidup rakyat [1m]
- Contohnya balai polis dan sekolah menengah [1m]

Barang sosial

- Barang yang memberi manfaat kepada golongan masyarakat yang ramai [1m]
- Tujuan adalah memaksimumkan kebajikan masyarakat [1m]
- Contohnya air bersih (SADA), elektrik (TNB) [1m]

[4 markah]

- (b) Berikan maksud-maksud berikut:

(i) Pertumbuhan ekonomi

- Pembangunan ekonomi berbentuk fizikal seperti pertambahan keluaran barang dan perkhidmatan, pertambahan infrastruktur dan peningkatan pembangunan ekonomi lain [1m]
- Ianya merupakan alat untuk mengukur prestasi pembangunan negara [1m]
- Pertumbuhan ekonomi ialah peningkatan dalam kegiatan ekonomi yang menyebabkan pertambahan keluaran (KDNK benar) dalam sesebuah ekonomi [1m]

[2 markah]

(ii) Imbangan pembayaran

- Imbangan pembayaran ialah penyata kewangan yang merekodkan nilai semua urus niaga dan aliran wang antara negara dalam satu tahun [1m]
- Ianya merupakan alat untuk mengukur keadaan perdagangan luar negara [1m]

[2 markah]

(c) Jelaskan cara kerajaan dapat mengawal eksplotasi pengguna melalui undang-undang dan peraturan.

- Akta kawalan harga dan anti pencatutan [1m]
- Mengisyiharkan sesetengah barang sebagai barang kawalan [1m]
- Tidak membenarkan kenaikan atau penurunan harga barang tanpa kelulusan /persetujuan pihak kerajaan [1m]
- Kerajaan melaksanakan dasar harga maksimum, dasar harga minimum dan kuota [1m]
- Pengeluar perlu mempamerkan bahan yang digunakan dalam penyediaan makanan dan tarikh luput [1m]
- Memantau harga barang dari masa ke masa [1m]
- Menarik balik lesen perniagaan atau mengehadkan lesen perniagaan [1m]

[6 markah]

(d) Bagaimanakah kerajaan dapat mengawal kesan eksternaliti negatif?

- Menarik balik lesen dan tidak benarkan beroperasi bagi firma yang tidak mematuhi peraturan dan undang-undang [1m]
- Menentukan kawasan perindustrian / kawasan perumahan / kawasan industri berat dan kawasan industri ringan [1m]
- Menjalankan pemantauan aktiviti pengeluaran firma [1m]
- Pemberian subsidi [1m]
- Kaedah pengeluaran mesra alam sebagai insentif kepada pengeluar [1m]
- Menaikkan cukai terhadap firma yang tidak bertanggungjawab terhadap alam sekitar [1m]

[6 markah]

BAHAGIAN B

2. Maklumat di bawah berkaitan dengan pasaran rumah.

Bakal pembeli rumah sekarang ini disarankan mengubah pemikiran baharu dengan memiliki kediaman berstrata berkonsepkan pangaspuri berbanding rumah bertanah. Ini bertujuan untuk membantu golongan belia dan golongan berpendapatan rendah memiliki kediaman sendiri dan berhenti daripada menyewa rumah. Hasil kajian mendapati bakal pembeli masih mahu memiliki rumah kategori bertanah, namun produk itu semakin mahal dan sukar dimiliki terutama golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

(Sumber: www.bharian.com.my)

- (a) Adakah anda bersetuju bahawa rumah merupakan barang awam? Jelaskan. [4 markah]
- (b) Mengapakah pengguna disarankan untuk memiliki rumah berbentuk pangaspuri? [7 markah]
- (c) Apakah tindakan yang harus dilakukan oleh pihak kerajaan bagi memastikan semua rakyat tempatan memiliki rumah? [9 markah]

Jawapan

2. (a) Tidak setuju, kerana [1m]
- Barang awam merupakan barang yang tidak dikenakan bayaran [1m]
 - Untuk memiliki rumah perlu ada bayaran [1m]
 - Barang awam boleh dikongsi penggunaannya [1m]
 - Rumah yang sudah dimiliki akan menjadi hak mutlak pemilik tersebut [1m]
- (b) Sebab pengguna disarankan untuk memiliki rumah berbentuk pangsapuri
- Memiliki rumah merupakan satu keperluan yang perlu dipenuhi oleh semua orang [1m]
 - Harga rumah bertanah semakin meningkat saban tahun [1m]
 - Bilangan rumah bertanah yang dipasarkan sekarang juga semakin menurun [1m]
 - Membolehkan golongan berpendapatan rendah dan sederhana memiliki kediaman sendiri [1m]
 - Isi rumah tidak lagi perlu menyewa daripada pemaju atau orang persendirian [1m]
 - Taraf hidup masyarakat akan meningkat [1m]
 - Isi rumah boleh berjimat dalam membuat perancangan membeli rumah [1m]
 - Kerana harga rumah berkonsepkan pangsapuri lebih murah berbanding rumah bertanah [1m]
 - Kuasa beli isi rumah untuk barang keperluan lain boleh ditingkatkan [1m]
 - Boleh menjimatkan penggunaan tanah dalam negara untuk projek pembangunan lain [1m]
 - Membantu negara menjana pelaburan yang boleh mendatangkan lebih keuntungan [1m]
 - Akan berlaku peningkatan dalam pengeluaran sekaligus membantu meningkatkan pembangunan negara [1m]
 - Meningkatkan peluang pekerjaan dalam bidang perumahan [1m]
 - Imej firma tempatan turut meningkat [1m]
- (c) Tindakan kerajaan bagi memastikan semua rakyat tempatan memiliki rumah
- Kerajaan mengurangkan kadar cukai pendapatan individu dan cukai pendapatan syarikat [1m]
- Pendapatan boleh guna masyarakat meningkat [1m]
 - Peningkatan pendapatan boleh guna membolehkan isi rumah yang selama ini tiada lebihan pendapatan bulanan membuat bayaran bulanan untuk rumah sendiri [1m]
 - Jika sebelum ini isi rumah membayar cukai yang tinggi tetapi bayaran cukai sudah dikurangkan, maka lebihan daripada pengurangan bayaran cukai tersebut boleh digunakan untuk membayar ansuran rumah [1m]
- Kerajaan memberi subsidi kepada firma pembinaan perumahan [1m]
- Hal ini dapat mengurangkan kos pengeluaran firma [1m]
 - Firma dapat membuat pembinaan rumah dengan kos yang lebih rendah berbanding dengan harga pasaran [1m]
 - Firma dapat membina lebih banyak kuantiti unit rumah pada kos yang sama sebelum pemberian subsidi oleh pihak kerajaan [1m]



JAWAPAN PRAKTIS SPM

BAB 1B

KERTAS 1

1. Maklumat berikut berkaitan dengan Indeks Harga Pengguna.

Indeks Harga Pengguna semakin meningkat dari tahun ke tahun.

Antara yang berikut, yang manakah kesan daripada pernyataan di atas?

- A** Berlaku masalah inflasi
- B** Berlaku kemelesetan ekonomi
- C** Imbangan pembayaran menjadi seimbang
- D** Kos purata barang di pasaran semakin tinggi

2. Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang inflasi?

- A** Kenaikan upah nominal akibat daripada kenaikan tingkat harga umum
- B** Kenaikan tingkat harga umum secara berterusan dan tidak terbatas
- C** Kenaikan tingkat harga umum mengurangkan kemampuan wang
- D** Kenaikan tingkat harga umum akibat daripada kenaikan kos pengeluaran

3. Maklumat berikut berkaitan dengan kadar inflasi.

Kadar inflasi meningkat secara berterusan daripada 0.60% kepada 2.58%.

Antara yang berikut, yang manakah kesan inflasi terhadap sosioekonomi?

- A** Peluang pekerjaan meningkat
- B** Kadar kemiskinan berkurang
- C** Kadar jenayah meningkat
- D** Nilai wang merosot

4. Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang pengangguran?

- A** Tenaga buruh yang terlibat dalam kegiatan produktif
- B** Tenaga buruh yang aktif mencari kerja dan sanggup bekerja tetapi gagal mendapat pekerjaan
- C** Tenaga buruh yang sanggup kerja tetapi kurang aktif di syarikat swasta
- D** Tenaga buruh sanggup bekerja dan dapat meningkatkan hasil eksport negara

5. Maklumat di bawah menunjukkan kesan pengangguran.

Permintaan buruh bagi sesetengah sektor ekonomi mengalami kemerosotan.

Pernyataan yang manakah **benar** tentang sebab berlakunya masalah di atas?

- A** Pertambahan gaji
- B** Bergantung terhadap sektor pertanian
- C** Kebanyakan buruh melakukan kerja sambilan
- D** Menggunakan kaedah pengeluaran berintensif modal

6. Maklumat berikut berkaitan dengan sistem infrastruktur dalam negara.

- Pembinaan Lebuh Raya Utara-Selatan II
- Pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa III

Antara yang berikut, yang manakah kesan pembinaan infrastruktur tersebut terhadap ekonomi?

- I Meningkatkan taraf industri pelancongan
 - II Kadar pengangguran meningkat
 - III Nilai mata wang merosot
 - IV Pendapatan negara meningkat
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV

Soalan 7 hingga Soalan 9 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

| Pilihan | Pernyataan I | Pernyataan II |
|----------|--------------|---------------|
| A | Betul | Salah |
| B | Salah | Betul |
| C | Betul | Betul |
| D | Salah | Salah |

7. I Indeks harga pengguna mengukur harga purata barang dan perkhidmatan yang biasanya digunakan oleh isi rumah dalam tempoh masa yang ditetapkan.

- A** II Indeks harga pengguna yang semakin meningkat menunjukkan peningkatan dalam KDNK.

8. I Inflasi diimport merujuk kepada kenaikan tingkat harga umum apabila harga barang yang diimport dari luar negara meningkat.
- A II Inflasi tolakan kos memberi keuntungan kepada pengguna.
9. I KDNK merupakan nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh semua faktor pengeluaran dalam sesebuah negara.
- C II Malaysia menggunakan pendekatan keluaran dan pendekatan perbelanjaan dalam pengiraan KDNK.

KERTAS 2

BAHAGIAN A

1. (a) Terangkan faktor berlaku pertumbuhan ekonomi di sesebuah negara.

- Sumber semula jadi [1m]
- Sumber semula jadi dianugerah oleh Tuhan maka sesebuah negara yang mempunyai sumber semula jadi yang banyak dapat menarik perhatian pelaburan asing untuk melabur [1m]
- Jumlah penduduk dan bekalan tenaga buruh [1m]
- Jika populasi penduduk sesebuah negara adalah padat / ramai maka ia boleh menyebabkan permintaan terhadap sesuatu barang meningkat dan akhirnya dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara [1m]
- Kemajuan teknologi [1m]
- Penggunaan teknologi moden / canggih akan meningkatkan kecekapan pengeluaran barang dan perkhidmatan [1m]

[6 markah]

(b) Jadual 1 menunjukkan kadar inflasi sesebuah negara.

| Tahun | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 |
|-------------------|------|------|------|------|------|
| Kadar inflasi (%) | 2.10 | 2.08 | 2.80 | 3.17 | 2.41 |

Jadual 1

Apakah yang telah berlaku di negara tersebut pada tahun 2018?

- Berlaku inflasi pada tahun 2018 [1m]
- Kadar faedah meningkat [1m]
- Kos pinjaman meningkat [1m]
- Penawaran wang di pasaran berkurang [1m]
- Pendapatan benar merosot [1m]
- Kuasa beli merosot [1m]
- Tingkat harga barang meningkat [1m]
- Taraf hidup masyarakat terjejas [1m]

[6 markah]

- (c) Perbualan berikut berkaitan dengan suatu bentuk pengangguran.

Fikri : Susahnya nak dapat kerja baharu sekarang ni. Dah hampir 2 bulan abang dibuang kerja. Semuanya gara-gara pandemik Covid-19.

Sonia: Kesian abang. Harap abang boleh dapat kerja secepat yang mungkin.

Jelaskan jenis pengangguran yang dihadapi oleh Fikri.

– Pengangguran kitaran [1m]

– Berlaku apabila keadaan ekonomi adalah lembab [1m]

– Pengurangan dalam permintaan agregat menyebabkan firma mengurangkan pengeluaran/ memberhentikan operasi [1m]

– Penggunaan buruh terpaksa dikurangkan [1m]

[4 markah]

- (d) Mengapakah kerajaan campur tangan dalam sesebuah ekonomi? Berikan hujah anda secara terperinci.

– Mengawal ekonomi negara [1m]

– Mengawal jenayah seperti rasuah, penyelewengan dan sebagainya [1m]

– Memaksimumkan kebijakan masyarakat [1m]

– Memberi subsidi kepada pengeluar untuk meringankan beban pengeluar [1m]

– Menyediakan barang awam dan barang sosial [1m]

[4 markah]

BAHAGIAN B

2. Maklumat di bawah berkaitan dengan keadaan ekonomi negara.

KDNK 2018 dijangka berkembang

Permintaan domestik yang meningkat menjadi pendorong kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang meningkat antara 5 peratus sehingga 5.5 peratus pada tahun 2018. Mengikut laporan ekonomi daripada Kementerian Kewangan, perbelanjaan sektor swasta terus menjadi pemacu utama pertumbuhan dengan pelaburan dan penggunaan swasta berkembang sebanyak 8.9 peratus dan 6.8 peratus manakala perbelanjaan sektor awam dijangka lebih rendah berikutan pengurangan perbelanjaan modal syarikat awam.

(Sumber: www.hmetro.com.my)

- (a) Mengapakah situasi di atas menjadi matlamat bagi setiap negara? [4 markah]
- (b) Huraikan faktor yang mendorong negara mencapai situasi di atas. [7 markah]
- (c) Peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mendorong kepada peningkatan taraf hidup masyarakat. Bincangkan. [9 markah]

Jawapan

2. (a) Situasi tersebut menjadi matlamat setiap negara kerana

- Mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dalam negara [1m]
- Membantu mengurangkan kadar pengangguran dalam negara seterusnya mencapai tahap guna tenaga penuh [1m]
- Boleh meningkatkan pendapatan boleh guna seterusnya meningkatkan keluaran negara [1m]
- Taraf hidup dan imej masyarakat meningkat [1m]
- Mengurangkan kadar kemiskinan dalam negara [1m]
- Mengurangkan jurang pendapatan antara golongan berpendapatan tinggi dengan golongan berpendapatan rendah [1m]
- Kemudahan infrastruktur dalam negara banyak dikeluarkan [1m]

(b) Faktor pendorong

- Sumber semula jadi yang ada dalam negara berbeza dengan negara lain dari aspek iklim, tanah dan hasil galian [1m]
- Anugerah semula jadi ini boleh mengembangkan lagi ekonomi negara dengan lebih mudah [1m]
- Jumlah penduduk dalam negara sering bertambah boleh meningkatkan jumlah tenaga buruh yang mampu menyumbang dalam aktiviti pengeluaran [1m]
- Jumlah penduduk yang ramai juga dapat membantu meningkatkan permintaan terhadap barang dan perkhidmatan di pasaran [1m]
- Keadaan tersebut mendorong pertambahan keluaran negara seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi [1m]
- Peningkatan dalam penggunaan teknologi juga membantu meningkatkan kecekapan pengeluaran barang dan perkhidmatan [1m]
- Kualiti barang yang dihasilkan juga menjadi lebih baik [1m]
- Peningkatan pelaburan dalam ekonomi membantu menambahkan pengeluaran dalam negara [1m]
- Semakin besar pelaburan domestik mahupun antarabangsa akan meningkatkan lagi pengeluaran barang dan perkhidmatan [1m]
- Sekaligus membuka lebih banyak peluang pekerjaan dalam negara [1m]
- Memudahkan lagi negara mencapai tahap guna tenaga penuh [1m]
- Keadaan sosio politik yang stabil sedikit sebanyak meyakinkan pelabur asing datang melabur dalam negara. [1m]

(c) Peningkatan KDNK mendorong kepada peningkatan taraf hidup masyarakat kerana

- Peningkatan KDNK menunjukkan jumlah nilai pasaran barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh faktor pengeluaran dalam negara semakin meningkat [1m]
- Kesan daripada peningkatan ini membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat [1m]
- Peningkatan dalam peluang pekerjaan sudah pasti akan meningkatkan guna tenaga dan mengurangkan kadar pengangguran [1m]
- Meningkatkan kuasa beli dan permintaan masyarakat [1m]
- Masyarakat dapat menikmati barang yang selama ini tidak mampu dimiliki [1m]
- Taraf hidup umumnya diukur menerusi piawai seperti pendapatan benar setiap orang dan kadar kemiskinan [1m]



JAWAPAN PRAKTIS SPM

BAB 1c

KERTAS 1

- Antara yang berikut, yang manakah komponen cukai tidak langsung?
 A Cukai pintu
 B Cukai perkhidmatan
 C Cukai pendapatan koperasi
 D Cukai keuntungan hartanah
- Antara yang berikut, situasi yang manakah berkaitan dengan cukai tidak langsung?
 A Encik Firdaus membayar duti setem apabila menandatangani surat perjanjian pembelian kedai di Sungai Petani
 B Syarikat Mahkota Jaya Sdn. Bhd. membayar cukai sebanyak 15% daripada keuntungannya kepada kerajaan
 C Puan Normah membayar tambahan 5% daripada jumlah harga makanan di restoran makanan segera
 D Petronas membayar 12% daripada jumlah pendapatan syarikat kepada kerajaan
- Antara yang berikut, yang manakah merujuk kepada komponen perbelanjaan pembangunan kerajaan?
 A Subsidi kepada nelayan
 B Bayaran balik pinjaman
 C Pembayaran gaji peguam negara
 D Pembinaan perumahan tentera
- Maklumat berikut berkaitan dengan perbelanjaan pembangunan sebuah negara.

Kerajaan telah memperuntukkan RM56 juta untuk membina sebuah universiti di Batu Kawan, Pulau Pinang.

- Apakah jenis perbelanjaan pembangunan tersebut?
- Keselamatan
 - Pentadbiran Am
 - Perkhidmatan Sosial
 - Perkhidmatan Ekonomi

- Antara yang berikut, yang manakah **betul** tentang dasar fiskal untuk mengawal inflasi?
 A Meningkatkan eksport
 B Menurunkan perbelanjaan kerajaan
 C Menurunkan cukai pendapatan individu
 D Meningkatkan kuasa beli masyarakat
- Antara yang berikut, yang manakah menunjukkan maksud dasar kewangan dengan tepat?
 A Merupakan cara kerajaan untuk mengawal kadar cukai dan hasil kerajaan
 B Merupakan cara kerajaan untuk mengawal kadar cukai dan kestabilan harga dalam negara
 C Merupakan cara kerajaan untuk mengawal kadar faedah dan bekalan wang dalam negara
 D Merupakan cara kerajaan untuk mengawal kadar faedah dan kestabilan imbalan pembayaran
- Bagaimanakah bank pusat dapat mengatasi masalah kemelesetan ekonomi dengan nisbah rizab berkanun?
 A Menaikkan nisbah rizab berkanun
 B Menurunkan nisbah rizab berkanun
 C Mengelakkan nisbah rizab berkanun
 D Mengimbangkan nisbah rizab berkanun

Soalan 8 hingga Soalan 10 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

| Pilihan | Pernyataan I | Pernyataan II |
|---------|--------------|---------------|
| A | Betul | Salah |
| B | Salah | Betul |
| C | Betul | Betul |
| D | Salah | Salah |

- Tujuan kerajaan melaksanakan dasar fiskal adalah untuk mencapai keadaan ekonomi yang stabil.
- Kerajaan mengubah kadar cukai dan perbelanjaan kerajaan untuk mempengaruhi tingkat permintaan agregat dalam ekonomi.

- 9.** I Cukai regresif ialah satu bentuk cukai yang kadarnya semakin menurun apabila pendapatan berkang.
B II Cukai berkadar malar ialah bentuk cukai yang kadarnya tetap walaupun pendapatan berubah.
- 10.** I Perbelanjaan mengurus merupakan perbelanjaan pelaburan yang dilakukan oleh kerajaan.
D II Sektor pentadbiran am merupakan salah satu perbelanjaan untuk mengurangkan kualiti perkhidmatan awam.

KERTAS 2

BAHAGIAN A

1. (a) Gambar 1 dan Gambar 2 menunjukkan dua contoh barang yang terdapat dalam pasaran tempatan.



Gambar 1



Gambar 2

Terangkan cukai yang boleh dikenakan ke atas barang di atas.

Gambar 1

- Cukai jualan [1m]
 - Cukai yang dikenakan ke atas barang akhir/barang yang hendak dijual kepada pengguna [1m]
 - Duti eksais [1m]
 - Cukai yang dikenakan ke atas barang keluaran tempatan untuk pasaran dalam negeri [1m]
- [2 markah]

Gambar 2

- Duti import [1m]
 - Cukai yang dikenakan ke atas barang yang diimport [1m]
 - Cukai jualan [1m]
 - Cukai yang dikenakan ke atas barang akhir/barang yang hendak dijual kepada pengguna [1m]
- [2 markah]

- (b) Bagaimanakah kerajaan membelanjakan sumber hasil yang diperolehi setiap tahun?

- Perbelanjaan mengurus [1m]
 - Membolehkan jentera pentadbiran kerajaan berfungsi [1m]
 - Contoh : Emolumen/khidmat hutang/pencen dan ganjaran [1m]
 - Perbelanjaan pembangunan [1m]
 - Membina projek-projek ekonomi [1m]
 - Contoh : Keselamatan/ekonomi/pentadbiran/sosial [1m]
- [6 markah]

- (c) Gambar di bawah menunjukkan perbualan tiga orang sahabat mengenai keadaan semasa ekonomi negara.



- (i) Apakah masalah ketidakstabilan ekonomi yang dibincangkan oleh tiga orang sahabat di atas?

Inflasi [1m]

[1 markah]

- (ii) Bagaimanakah kerajaan mengatasi masalah ketidakstabilan ekonomi dengan menggunakan komponen dasar fiskal berikut?

Kadar cukai

– Menaikkan kadar cukai [1m]

– Pendapatan boleh guna berkurang [1m]

– Jumlah permintaan berkurang/kuasa beli berkurang [1m]

– Harga turun [1m]

[3 markah]

Perbelanjaan kerajaan

– Perbelanjaan kerajaan berkurang/menangguhan projek pembangunan [1m]

– Sumber hasil berkurang/pendapatan negara berkurang [1m]

– Permintaan berkurang/kuasa beli berkurang [1m]

– Harga turun [1m]

[3 markah]

- (d) Berikan **dua** contoh hasil bukan cukai.

– Bayaran denda dan penalti [1m]

– Dividen, royalti petroleum dan gas asli [1m]

– Bayaran lesen dan permit [1m]

– Dividen daripada saham dan GLC [1m]

[2 markah]

BAHAGIAN B

2. Maklumat di bawah berkaitan dengan kadar faedah pinjaman dalam negara.

"Kerajaan bercadang mahu menetapkan kadar faedah pinjaman perumahan yang lebih rendah bagi mengurangkan beban kewangan rakyat", kata Timbalan Perdana Menteri.

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan kadar faedah pinjaman? [4 markah]
- (b) Bagaimanakah situasi ekonomi jika kadar faedah terus diturunkan? [7 markah]
- (c) Jelaskan kesan tindakan kerajaan di atas ke atas pasaran perumahan. [9 markah]

Jawapan

- 2. (a) Maksud kadar faedah pinjaman**
- Kos yang ditanggung oleh peminjam semasa membuat pinjaman [1m]
 - Bank pusat mengawal penawaran wang dalam ekonomi dengan mengubah kadar faedah [1m]
 - Perubahan kadar faedah memberi kesan kepada kos pinjaman dan beban hutang peminjam [1m]
 - Kenaikan kadar faedah akan mengurangkan jumlah pinjaman yang dibuat oleh masyarakat [1m]
- (b) Kesan jika kadar faedah terus diturunkan**
- Perbelanjaan agregat dan pelaburan firma terus meningkat [1m]
 - Firma terus berkembang dan membuka lebih banyak peluang pekerjaan [1m]
 - Kuasa beli masyarakat akan meningkat [1m]
 - Pengguna mampu membuat lebih permintaan barang seperti rumah [1m]
 - Harga barang dan perkhidmatan akan meningkat secara berterusan [1m]
 - Masalah inflasi berlaku [1m]
- (c) Kesan penurunan kadar faedah pinjaman perumahan**
- Kos meminjam dan beban hutang pengguna akan menurun [1m]
 - Jumlah pinjaman yang mampu dibuat oleh masyarakat bertambah [1m]
 - Terutama bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana [1m]
 - Kuasa beli masyarakat ke atas rumah meningkat [1m]
 - Permintaan rumah dalam pasaran akan meningkat [1m]
 - Semakin ramai rakyat Malaysia mampu memiliki kediaman sendiri [1m]
 - Firma akan meningkatkan jumlah projek perumahan bagi menampung peningkatan permintaan [1m]
 - Firma dapat membuka lebih banyak peluang pekerjaan terutama bagi penduduk setempat [1m]
 - Dapat mengurangkan kadar pengangguran dan membantu negara mencapai tahap guna tenaga penuh [1m]
 - Peningkatan projek dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara [1m]